

## **Pengaruh dasar luar Tun Dr. Mahathir (1981 – 2003) dalam hubungan dua hala Malaysia-Perancis**

### **ABSTRAK**

Kajian ini memfokuskan kepada dasar luar Malaysia sewaktu era Tun Dr. Mahathir dan kesan kepada hubungan dua hala Malaysia – Perancis. Dasar luar Malaysia Tun Dr. Mahathir yang berorientasikan ekonomi dan dipengaruhi oleh semangat negara sedang membangun, dengan keinginan agar negara tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada bekas penjajah British berlaku sewaktu era beliau (1981-2003). Ketika itu, Malaysia sedang berusaha mengadakan hubungan dengan negara dari pelbagai benua termasuk dengan negara Perancis yang terletak di benua Eropah. Hubungan Malaysia – Perancis secara rasminya telah bermula pada tahun 1957 dengan penubuhan kedutaan Perancis di Malaysia. Hubungan antara kedua buah negara ini menjadi lebih mesra sewaktu era kepimpinan Tun Dr. Mahathir dalam aspek ekonomi, politik, pendidikan dan kebudayaan. Bagi Tun Dr. Mahathir, Perancis adalah sebuah negara yang dapat mengimbangi kuasa dan pengaruh Britain di Asia (balance of power) dalam sistem politik antarabangsa. Melalui kajian ini, didapati bahawa hubungan Malaysia-Perancis tidak seakrab dengan Britain. Faktor yang dikenal pasti sebagai punca kelongaran dalam hubungan Malaysia-Perancis adalah dasar luar negara yang berpaksikan kepada negara Jepun dan Korea Selatan melalui Dasar Pandang Ke Timur yang dilihat telah memberikan keutamaan kepada kedua negara tersebut menjadi rakan dagangan aktif Malaysia pada ketika itu dari benua Asia. Walaubagaimanapun, sepanjang 22 tahun fasa pertama kepimpinan Tun, dapat dilihat bahawa hubungan kerjasama Malaysia dan Perancis semakin erat dari tahun ke tahun dan ini dikenalpasti berpunca daripada hubungan mesra Tun Dr. Mahathir dan Presiden Perancis, Jacques Chirac pada ketika itu selain pelbagai usaha kerjasama yang dilaksanakan Tun untuk menggalakkan hubungan Malaysia dan Perancis tetap erat. Adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberi pemahaman mengenai bagaimana dasar luar yang telah diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir mempengaruhi hubungan dua hala antara Malaysia dan Perancis dalam tahun 1981 hingga 2003.